



**KEMENTERIAN KEWANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PRESS RELEASE
COMPANIES ACT (AMENDMENT)(NO. 2) ORDER, 2017**

Kementerian Kewangan dengan ini sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Perintah Akta Syarikat (Pindaan)(No. 2), 2017 yang dihasratkan untuk memudahkan lagi menjalankan perniagaan di Negara ini dengan mengukuhkan hak-hak pemegang-pemegang saham minoriti di dalam sesebuah syarikat.

Perintah ini berkuatkuasa mulai 6 Mei 2017 dan mengandungi pindaan-pindaan untuk memupuk ketelusan dalam Akta Syarikat dengan meningkatkan keperluan pendedahan mengenai operasi syarikat.

Antaralain pindaan-pindaan yang terkandung di dalam Perintah tersebut ialah keperluan bagi memberikan notis tidak kurang dari 21 hari kepada ahli-ahli bagi tujuan meluluskan resolusi khas, memberikan ahli-ahli hak untuk menghadiri mesyuarat agung syarikat di mana ahli-ahli juga berhak menyuarakan pendapat mengenai sebarang resolusi semasa mesyuarat agung; keperluan bagi setiap Pengarah untuk mendedahkan kepentingan sebarang transaksi yang melibatkan harta benda dan pejabat dan sebagainya.



Kementerian Kewangan
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 14 Sya'aban 1438
11 Mei 2017